

Proses Pemendekan dalam Pembentukan Kata Submorphologi Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal

MUHAMMAD MARWAN MOHD TANOS & NIK SAFIAH KARIM

ABSTRAK

Lazimnya, pembentukan kata mengandungi proses penggabungan atau pencantuman morfem dasar dengan morfem(-morfem) lain, misalnya pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan. Walau bagaimanapun, terdapat pembentukan kata yang tidak menjadikan morfem sebagai asas untuk menghasilkan perkataan baharu, seperti yang terlihat dalam penggeratan, penggabungan, pengakroniman, dan pengabjadanan. Proses-proses pembentukan kata yang tidak menunjukkan sifat morfologi ini boleh digelar sebagai pembentukan kata tidak morfologis atau pembentukan kata submorphologi. Seperti yang terjadi dalam dunia pengkajian linguistik Barat, sarjana-sarjana bahasa Melayu mempunyai percanggahan dan ketidaktekalan dalam banyak aspek analisis mereka berkenaan pembentukan kata submorphologi bahasa Melayu. Artikel ini bermatlamat untuk mengulas bentuk-bentuk kependekan yang ada dalam bahasa Melayu dengan menggunakan taksanomi dan pendekatan pembentukan kata submorphologi Lopez Rua. Teori ini secara umumnya dapat mengkategorikan item-item pemendekan bahasa Melayu, lantas dapat menjadi kerangka untuk pembentukan kata submorphologi bahasa Melayu. Namun, terdapat sejenis bentuk kependekan unik dalam bahasa Melayu yang tidak dijelaskan teori sarjana Barat ini, yang dalam artikel ini dirujuk sebagai bentuk kata wakil.

Kata kunci: morfologi, pembentukan kata, tidak morfologis, submorphologi, pemendekan, penyingkatan, akronim

ABSTRACT

Typically, word formation contains the process of combination or fusion of base morpheme with other morpheme(s), such as affixation, compounding, and multiplication. However, there are word formations that do not employ the morpheme as the basis for creating new words, as seen in clipping, blends, acronym, and alphabetsm. The processes of word formation that do not show morphological characteristics can be called ‘nonmorphological word formation’, or for this article, the term ‘submorphological word formation’ is used. As has happened in the world of Western linguistic research, Malay language scholars have contradictions and inconsistencies in many aspects of their analysis of submorphological word formation in the Malay language. This article aims to review forms of shortening that exist in the Malay language by applying a taxonomy and approach of submorphological word formation of Lopez Rua. This theory is generally able to categorize the Malay language’s shortening items, thereby becoming a framework for the Malay language submorphological word formation. However, there is a unique type of shortening form in this language that is not covered by the theory of this Western scholar, which in this article is referred to as the ‘representative word-form’.

Key words: morphology, word formation, nonmorphological, submorphological, shortening, abbreviation, acronyms

PENGENALAN

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2009: 598), proses pembentukan kata ialah proses yang terlibat dalam penghasilan binaan-binaan perkataan, iaitu bagaimana morfem sebagai unsur perkataan disusun dan dicantumkan untuk membentuk perkataan. Mathews (1991: 37) pula menyatakan pembentukan kata sebagai “...the branch of morphology which deals with the relation between a complex lexeme and a simple(r) lexeme.” Perbincangan tentang pembentukan kata dalam bahasa biasanya ditangani bidang morfologi, walaupun terdapat juga bidang linguistik lain yang meneliti proses pembentukan kata, iaitu leksikologi (lihat, misalnya, Lipka 1992;

Jackson and Ze Amvela 2007). Untuk tujuan kajian ini, proses pembentukan kata akan ditinjau dari sudut morfologi, iaitu bahagian tatabahasa yang memberikan perhatian terhadap perkataan dan pembentukan kata (O’Grady & Archibald 2009: 109).

Lazimnya, proses pembentukan kata melibatkan kejadian penggabungan atau pencantuman antara satu morfem dengan morfem yang lain, seperti yang berlaku dalam pengimbuhan, penggandaan, dan pemajmukan. Pengimbuhan, misalnya, merupakan proses morfologi yang melekatkan morfem, iaitu unit asas morfologi, dengan morfem atau unit bahasa yang lain, contohnya proleksem (*tata-*, *pasca-* dan *panca-*). Dalam kejadian ini,

morfem yang digabungkan dengan morfem lain itu merupakan dasar, manakala morfem-morfem yang mendampinginya merupakan imbuhan. Sebagai contoh, dalam bahasa Melayu, morfem dasar *kata* dicantumkan dengan imbuhan awalan *ber-* untuk menghasilkan kata kerja *berkata*. Begitu juga dengan proses pengimbuhan dalam bahasa lain, misalnya dalam bahasa Inggeris, morfem dasar *invent* digabungkan dengan imbuhan akhiran *-tion* yang menghasilkan perkataan baharu, iaitu *invention*.

Walau bagaimanapun, tidak semua proses pembentukan kata menjadikan morfem sebagai dasar untuk mencipta perkataan baharu, seperti yang dinyatakan Fandrych (2008b: 71), “...not all word-formation processes use morphemes as building blocks...”. Gejala ini berlaku dalam beberapa proses pembentukan kata yang semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna bahasa seluruh dunia hari ini, antaranya pengakroniman, penggabungan (*blend*), dan pengeratan (*clipping*). Sebagai misalan, pengakroniman merupakan proses yang menghasilkan akronim, iaitu bentuk singkatan yang menggabungkan huruf-huruf awal dalam rangkai kata atau frasa, seperti akronim *ADUN* (*Ahli Dewan Undangan Negeri*) dalam bahasa Melayu dan *laser* (*light amplification (by) stimulated emission (of) radiation*) dalam bahasa Inggeris.

Kehadiran proses-proses pembentukan kata yang berasaskan kaedah pengurangan atau pemendekan bentuk sumber ini menjadi subjek perdebatan para sarjana bahasa, walaupun pengguna bahasa yang mencipta bentuk-bentuk tersebut jarang sekali mengambil endah tentang pembentukannya. Proses-proses pembentukan kata sedemikian sering menunjukkan pertindihan sifat antara satu dengan yang lain, di samping sempadan antara proses yang kabur. Lopez Rua pernah menyatakan:

There is a lack of consistency and a good deal of vagueness and overlap with respect to what is to count as an acronym in general...in contrast with what should be regarded, for instance, as a ‘proper’ abbreviation, a clipping, a blend, or a hybrid including features of two or more of the above.

Lopez Rua (2004: 110)

Jelas bahawa tidak terdapat keseragaman dan kata sepakat antara ahli-ahli bahasa Barat tentang proses pembentukan kata dalam bahasa. Dipercayai gejala yang sama turut berlaku dalam bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk melihat proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu,

dengan menggunakan taksonomi dan teori Lopez Rua (2004). Pendekatan ini dirasakan sesuai diaplikasikan untuk bahasa Melayu, sekali gus berjaya memberi gambaran yang lebih jelas tentang unsur pemendekan dalam pembentukan kata bahasa Melayu.

PROSES PEMENDEKAN SEBAGAI PEMBENTUKAN KATA SUBMORFOLOGI

Proses-proses pembentukan kata yang berlandaskan kaedah pengurangan atau pemendekan, seperti pengakroniman, pengeratan (*clipping*), dan penggabungan (*blend*) menunjukkan sifat yang tidak morfologis, tambahan pula morfem tidak dijadikan sebagai unit asas dalam pembentukan kata baharu. Hal ini menjadi pencetus kepada beberapa orang ahli linguistik Barat untuk mengelompokkan proses-proses sedemikian ke dalam kategori yang berbeza. Malah, terdapat pandangan ekstrem yang langsung menolak pembentukan kata sebegini dengan menganggap proses-proses berkenaan tidak mempunyai tempat dalam perbincangan morfologi, walaupun proses pembentukan kata sedemikian dapat menghasilkan perkataan baharu (lihat, misalnya, Haspelmath & Sims 2010).

Dalam bukunya, Plag (2003) meletakkan proses-proses pembentukan kata yang menggunakan kaedah pemendekan ke dalam morfologi prosodi yang tergolong sebagai penerbitan tanpa pengimbuhan (*derivation without affixation*). Antara pembentukan kata kategori tersebut yang dibincangkannya termasuklah pemotongan (*truncation*), penggabungan (*blend*), penyingkatan (*abbreviation*) dan akronim. Aronoff pula (1981: 20), menyatakan penggabungan (*blend*) dan akronim sebagai *oddities*, dengan kedua-dua proses ini dikatakan “...form words which have no recognizable internal structure or constituents.”

Istilah pembentukan kata tidak morfologis (*non-morphemic word-formation*) digunakan oleh Fandrych yang didefinisikannya sebagai:

...any word-formation process that is not morpheme-based..., that is, which uses at least one element which is not a morpheme; this element can be a splinter, a phonaestheme, part of syllable, an initial letter, a number or a letter used as a symbol.

(Fandrych 2008a: 109)

Istilah yang hampir sama juga digunakan oleh Lopez Rua, iaitu pembentukan kata tidak

morfologis (*nonmorphological word formation*). Menurut beliau, item-item yang terhasil daripada proses-proses pembentukan kata tidak morfologis sebenarnya mengalami mekanisme pengurangan (*reduction mechanisms*), dengan unit yang dikurangkan bukanlah morf, leksem, atau dasar, sebaliknya bentuk kata, yakni bentuk fonologi atau ortografi yang diterima perkataan apabila mekanisme itu berlaku (Lopez Rua 2006: 675).

Kenyataan Lopez Rua di atas terbukti dalam perkataan-perkataan yang tercipta daripada proses pembentukan kata tidak morfologis seperti pengakroniman dan pengabjadian. Contohnya, dalam bahasa Melayu, *SPAD* dan *JKM* merupakan item yang terbit hasil daripada pelaksanaan mekanisme pengurangan terhadap frasa yang lebih panjang, iaitu *Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat* dan *Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Dalam proses pengakroniman dan pengabjadian ini, hanya huruf-huruf awal dalam setiap perkataan yang menjadi konstituen dalam frasa berkenaan sahaja dikekalkan, seterusnya bentuk ortografi baharu dibina dengan sebutan yang tersendiri, sama ada sebagai satu perkataan (*SPAD*) mahupun huruf demi huruf (*JKM*).

Jelaslah bahawa proses-proses yang tidak berdasarkan morfem, sebaliknya melibatkan bentuk kata, sama ada fonologi atau ortografi, tergolong ke dalam pembentukan kata tidak morfologis. Namun begitu, istilah yang digunakan oleh Fandrych (2008a, 2008b) dan Lopez Rua (2006) ini dirasakan kurang sesuai kerana proses-proses pembentukan kata sebegini bukan langsung tidak mempedulikan morfem, tetapi unit-unit yang lebih kecil dalam morfem, misalnya huruf dan suku kata, yang memainkan peranan dalam penghasilan perkataan baharu. Maka istilah yang dipilih ialah yang digunakan oleh Malenica & Fabejanic (2013), iaitu ‘pembentukan kata submorfologi’ (*submorphemic word formation*), yang merupakan istilah alternatif Fandrych (2008b) untuk pembentukan kata tidak morfologis. Istilah ini didapati lebih tepat dan sesuai dengan gejala pembentukan kata tidak morfologis dan proses-proses menggunakan mekanisme pengurangan atau pemendekan.

PROSES PENYINGKATAN DALAM BAHASA MELAYU

Belum banyak penyelidikan yang mendalam tentang proses-proses pemendekan, yakni pembentukan kata yang berasaskan mekanisme pengurangan,

sebagai salah satu langkah pembentukan kata dalam bahasa Melayu dilakukan oleh para pengkaji bahasa Melayu. Penulisan-penulisan awal berkenaan proses penyingkatan terdapat dalam *Jurnal Dewan Bahasa* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (misalnya Zaiton Ab. Rahman & Rudiah Hj. Arshad (1982) dan Amat Juhari Moaian (1985)). Seterusnya, perbincangan tentang penyingkatan hadir dalam beberapa buah buku nahu atau tatabahasa dan buku-buku khas.

Kajian yang dibuat oleh Zaiton Ab. Rahman & Rudiah Hj. Arshad (1982: 877) membincangkan pembentukan kata cantuman, iaitu “...kata yang dibentuk daripada dua kata bebas atau lebih yang dicantumkan untuk menghasilkan satu kata baru.” Kata cantuman ini terbentuk daripada gabungan beberapa unsur kata (sama ada beberapa huruf, suku kata atau gabungan kedua-duanya) dalam satu rangkai kata, dan dapat dilafazkan sebagai satu kata yang wajar dan mempunyai makna tersendiri. Menurut mereka lagi, terdapat tiga cara pembentukan kata cantuman. Kaedah pertama ialah penggabungan suku kata unsur sama ada suku kata pertama, kedua ataupun suku kata akhir daripada perkataan-perkataan di dalam rangkai kata. Suku kata yang menjadi unsur kata cantuman dipilih sembarangan dan kata cantuman yang terhasil “... mestilah sedap dan serasi dengan lidah Melayu.” (Zaiton Ab. Rahman & Rudiah Hj. Arshad 1982: 880), misalnya *berdikari* (*berdiri atas kaki sendiri*), *lupus* (*luput hapus*), dan *linjah* (*lintang darjah*). Termasuk dalam cara penggabungan suku kata ini ialah penggabungan suku kata dengan kata sempurna atau kata wajar yang, menurut Zaiton Ab. Rahman & Rudiah Hj. Arshad (1982: 881), kata wajar itu tidak selamanya merupakan unsur pertama kata cantuman, sebaliknya boleh merupakan unsur kedua, sebagai contoh perkataan *kulapuk* (*kulat lapuk*), *jenama* (*jenis nama*), dan *jalangkah* (*jalan langkah*).

Cara kedua pembentukan kata cantuman pula melalui penggabungan dan peleburan. Kebanyakan kata cantuman yang terhasil daripada proses ini mempunyai unsur akhir kata pertama yang sama dengan unsur awal kata kedua, manakala unsur yang terlibat mungkin dua huruf atau lebih yang tidak merupakan satu suku kata (Zaiton Ab. Rahman & Rudiah Hj. Arshad 1982: 881). Misalannya perkataan *debunga* (*debu bunga*), *rumpair* (*rumpai air*), dan *jadualmanak* (*jadual almanak*). Proses pembentukan kata cantuman ketiga ialah pemotongan dan penggabungan yang memotong unsur kata dalam rangkai kata untuk

menjadi unsur kata cantuman. Menurut Zaiton Ab. Rahman & Rudiah Hj. Arshad (1982: 882), “Unsur yang terpotong itu mungkin terdiri daripada beberapa huruf saja dan seringkali juga salah satu unsur itu mempunyai konsonan.” Antara contoh kata cantuman tersebut adalah seperti *bangkali* (*barang kali*), *andartu* (*anak dara tua*), dan *cerpen* (*cerita pendek*).

Perbincangan Amat Juhari Moain (1985) berkenaan pembentukan kata dan istilah baharu turut menyelitkan beberapa pembentukan kata submorphologi. Walaupun beliau memperkatakan proses-proses tersebut secara umum dengan merujuk kepada contoh-contoh dalam bahasa asing, namun beliau turut mengaitkannya dengan bahasa Melayu. Proses-proses tersebut ialah proses akronim, pengembangan, dan penyingkatan. Akronim ialah “...singkatan beberapa kata yang ditulis dan dilafazkan sebagai satu kata yang wajar” (Amat Juhari Moain 1985: 26). Sebagai contoh, *UMNO*, iaitu akronim bagi *United Malays National Organisation*, yang, huruf pangkal setiap kata menjadi konstituen dalam akronim itu. Pengembangan pula, menurut beliau, mengembangkan dua kata atau lebih dengan menggugurkan sebahagian atau beberapa bahagian pada setiap kata yang digembangkan (Amat Juhari Moain 1985: 28), sebagai contoh *Kejora* (*Perbadanan Kemajuan Johor Tenggara*), *Proton* (*Perusahaan Otomobil Nasional*), *cerpen* (*cerita pendek*), dan *hakis* (*habis kikis*). Penyingkatan pula merupakan proses yang menyingkatkan perkataan yang panjang yang terdiri dri pada pelbagai kelas kata seperti kata nama am, kata nama khas, dan kata nama adjektif. Sebagai contoh *Yam Tuan* (*Yang di-Pertuan*), *Mat* (*Muhammad*), *lelabah* (*labah-labah*), *lapan* (*delapan*), dan *baru* (*baharu*).

Dalam *Tatabahasa Dewan* Edisi Ketiga, Nik Safiah Karim et al. (2009) menyatakan akronim sebagai salah satu bentuk kata tunggal dalam bahasa Melayu yang berhasil melalui proses pengakroniman. Akronim ialah kata singkatan yang terbentuk dengan menggabungkan huruf awal dan suku kata atau dengan menggabungkan huruf awal dan suku kata daripada satu rangkai kata, dan ditulis serta dilafazkan sebagai perkataan yang utuh (Nik Safiah Karim et al. 2009: 66). Terdapat tiga proses pengakroniman. Proses pengakroniman pertama adalah dengan menggabungkan beberapa huruf awal rangkai kata yang ditulis dengan huruf besar kesemuanya kerana seringkali merupakan kata nama khas, misalnya akronim *ABIM* (*Angkatan Belia Islam Malaysia*) dan *ADUN* (*Ahli Dewan Undangan Negeri*). Jenis kedua ialah pengakroniman yang

menggabungkan suku kata dengan huruf awal atau gabungan suku kata dengan suku kata, seperti akronim *Mara* (*Majlis Amanah Rakyat*) dan *Perkeso* (*Pertubuhan Keselamatan Sosial*). Akhir sekali ialah pembentukan akronim melalui penggabungan suku kata dengan suku kata, sebagai contoh *tabika* (*taman bimbingan kanak-kanak*) dan *pawagam* (*pangung wayang gambar*).

Asmah Haji Omar (2009) turut membincangkan pengakroniman, atau yang dipanggilnya pembentukan akronim, sebagai salah satu proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu. Akronim, menurut beliau, ialah kata selapis yang dibentuk dengan menggabungkan suku kata pada kata-kata unsur (Asmah Haji Omar 2009: 27). Beliau membahagikan pengakroniman kepada tiga jenis. Pembentukan akronim pertama ialah proses yang menggabungkan suku kata pertama unsur pertama dengan suku kata kedua unsur kedua, seperti yang terlihat dalam *hakis* (*habis kikis*) dan *asbut* (*asap kabut*). Jenis kedua ialah penggabungan unsur-unsur dengan memendekkan unsur pertama atau unsur terakhir, misalnya akronim *kemaskini* (*ke masa kini*), *jentolak* (*jentera tolak*), dan *angkubah* (*angka ubah*). Menurut beliau lagi, langkah pemendekan ini tidak didasarkan kepada kriteria tertentu tetapi ‘ikut sedap’ sahaja (Asmah Haji Omar 2009: 27). Jenis pengakroniman ketiga pula menggabungkan kata dengan memendekkan unsur kedua pada bahagian awalnya, contohnya akronim *jurutera* (*juru jentera*) dan *pulihara* (*pulih pelihara*).

Namun begitu, dalam bukunya yang lain, Asmah Haji Omar membincangkan empat jenis pembentukan kata submorphologi bahasa Melayu yang terdiri daripada singkatan huruf, akronim, cantasan, dan kata kacukan. Singkatan huruf, menurut Asmah Haji Omar (2008:274), “...ialah singkatan yang mengambil kira huruf-huruf tertentu dalam sesuatu kata atau gabungan kata” yang terbahagi kepada singkatan huruf awal kata dan singkatan huruf bukan awal kata. Jenis yang pertama merupakan singkatan yang terbentuk daripada huruf awal perkataan atau perkataan-perkataan yang terdapat dalam rangkai kata, misalnya singkatan *PM* (*Perdana Menteri*), *JPA* (*Jabatan Perkhidmatan Awam*), *SAW* (*sallallahu ‘alaihi wasallam*), *kpd* (*kepada*), dan *tt* (*tanda tangan*). Kebiasanya singkatan huruf awal kata terdiri daripada sekurang-kurangnya dua huruf, namun terdapat juga singkatan yang mempunyai satu huruf sahaja, seperti *M* daripada *Masihi* dan *H* daripada *Hijrah*. Terdapat juga bentuk yang menggunakan tanda noktah, misalnya *b.* dalam *bin*, serta singkatan

yang menggunakan tanda /, contohnya *a/l* (*anak lelaki*). Singkatan huruf bukan awal kata pula merupakan singkatan yang berasaskan satu huruf sahaja, dengan huruf-huruf yang digabungkan dianggap penting dalam perkataan tersebut, seperti yang terlihat pada singkatan *bt.* (*binti*), *pd* (*pada*), *Tn.* (*Tuan*), *Hj.* (*Haji*), dan *NaCl* (*natrium klorida*).

Menurut Asmah Haji Omar (2008: 276), akronim ialah sejenis kata yang dibentuk dengan menggabungkan huruf atau suku kata daripada satu kata dengan huruf atau suku kata daripada satu perkataan lain atau lebih. Menurutnya lagi, proses pengakroniman tidak mempunyai peraturan khusus, dengan pemilihan huruf dan suku kata adalah berasarkan kesan pembunyiannya (Asmah Haji Omar 2008: 276). Antara contoh akronim dalam bahasa Melayu ialah *UMNO* (*United Malay National Organization*), *INTAN* (*Institut Tadbiran Awam Negara*), *IPU* (*Indeks Pencemaran Udara*), *kebarung* (*kebaya kurung*) dan *kugiran* (*kumpulan gitar rancak*). Cantasan pula merupakan kata yang berhasil dengan cara mencantaskan bahagian daripada kata-kata lain dan diberikan makna baru, yang boleh berlaku sesuai dengan morfologi bahasa atau tidak (Asmah Haji Omar 2008: 277). Contoh yang diberikan beliau termasuklah *permai* dan *suri* yang berasal daripada *permasiswa*, serta *puan* daripada *ampuan*. Akhir sekali ialah kata kacukan, yang menurut Asmah Haji Omar, pengacukan kata sudah lama ada dalam bahasa Melayu, tetapi pada peringkat frasa (2008: 278), seperti frasa *ribut taufan*, dengan *ribut* berasal daripada bahasa Melayu, manakala *taufan* berasal daripada Arab. Beberapa lagi contoh kata kacukan adalah seperti *jeraya* (*jalan raya*, dengan bentuk *ja* mengalami perubahan bunyi) serta bentuk-bentuk gabungan imbuhan asing dengan perkataan bahasa Melayu, seperti *prabayar*, *antipatah*, dan *ekapusat*. Sebahagian besar penerangan Asmah Haji Omar tentang pembentukan kata submorphologi di atas lebih kepada konteks sejarah dalam bahasa Melayu, yang mungkin sekali ada kaitannya dengan jenis buku tulisannya.

Harimurti (1996) pernah cuba memberikan huraian lengkap dan menyeluruh tentang pembentukan kata submorphologi berasaskan pemendekan dalam bahasa Melayu Indonesia. Beliau menyatakan abreviasi sebagai "...proses penanggalan satu atau beberapa bagian leksem atau kombinasi leksem sehingga jadilah bentuk baru yang berstatus kata" (Harimurti 1996: 159). Terdapat lima jenis abreviasi, iaitu singkatan, penggalan, akronim, kontraksi, dan lambang huruf. Singkatan merupakan hasil proses pemendekan yang berupa huruf

atau gabungan huruf, sama ada dieja huruf demi huruf seperti *FSUI* (*Fakultas Sastra Universitas Indonesia*), atau yang tidak deja huruf demi huruf seperti *dll* (*dan lain-lain*). Penggalan pula merupakan proses pemendekan yang mengekalkan salah satu bahagian leksem, contoh *Prof* daripada *Profesor* dan *Pak* daripada *Bapak*. Akronim pula menggabungkan huruf atau suku kata atau bahagian lain yang ditulis dan dilafazkan sebagai sebuah kata yang sedikit sebanyak memenuhi kaedah fonotaktik bahasa (Harimurti 1996: 162), misalnya *FKIP* disebut [efkip] dan *ABRI* disebut [abri]. Kontraksi merupakan proses pemendekan yang meringkaskan leksem dasar atau gabungan leksem seperti *ta* daripada *tidak* dan *berdikari* daripada *berdiri di atas kaki sendiri*. Proses pemendekan jenis lambang huruf pula menghasilkan satu huruf atau lebih yang menggambarkan konsep dasar kuantiti, satuan atau unsur, seperti *g* untuk *gram* dan *cm* untuk *centimeter*. Menurut Harimurti (1996: 163), bentuk *g* dan *cm* ini dipanggil lambang "... kerana dalam perkembangannya tidak dirasakan lagi asosiasi linguistik antara bentuk itu dengan kepanjangannya."

Abdullah Hassan (2006) juga pernah memberikan huraian tentang proses-proses pembentukan submorphologi bahasa Melayu. Sebanyak lima proses dibincangkannya, iaitu pengakroniman, kependekan, penyingkatan, pemendekan perkataan, dan simbol. Beliau membahagikan akronim kepada dua jenis, yakni berdasarkan proses pembentukannya. Jenis pertama ialah akronim yang berhasil daripada pencantuman suku kata perkataan yang berlainan yang mempunyai konsep atau makna baharu serta boleh melalui proses sintaksis atau morfologi seterusnya, contohnya *cerpen* (*cerita pendek*), *maging* (*makan daging*), dan *gugtam* (*gugur tambah*). Pengakroniman yang mencantumkan huruf pangkal perkataan pula menghasilkan akronim jenis kedua, yang dalam proses ini, menurut Abdullah Hassan (2006: 317), huruf pangkal sebuah ungkapan panjang digabungkan menjadi satu perkataan bagi menamakan konsep, institusi, bangunan, dan lain-lain. Misalnya, *ADD* (*Akhbar Dalam Darjah*), *KAFA* (*Kursus Agama Fardu Ain*), dan *KBSR* (*Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*).

Kependekan pula merupakan proses yang "...memendekkan nama institusi dan ungkapan dengan mengambil huruf pangkal atau suku kata tertentu dalam perkataan-perkataan yang terkandung dalam nama tersebut." (Abdullah Hassan 2006: 319), dan merupakan proses yang berbeza daripada pengakroniman. Contoh-contoh

kependekan yang diberikan beliau termasuklah *LUTH* (*Lembaga Urusan Tabung Haji*), *IKRAM* (*Institut Kerja Raya Malaysia*), dan *SPM* (*Sijil Pelajaran Malaysia*). Penyingkatan pula merupakan proses menyingkatkan perkataan panjang bagi memudahkan penulisan yang melibatkan satu perkataan sahaja, yang bentuk singkatannya boleh terdiri daripada satu suku kata atau beberapa huruf seperti singkatan *Hj.* (*Haji*), *Hos.* (*Hospital*), dan *Jln.* (*Jalan*). Seterusnya ialah proses pemendekan perkataan, yang dinyatakan Abdullah Hassan (2006: 321) sebagai proses penyingkatan yang melibatkan penghilangan suku kata *ha* dalam beberapa perkataan, misalnya perkataan *baru* (*baharu*), *tadi* (*tahadi*), dan *depan* (*hadapan*). Berkenaan penghasilan simbol, Abdullah Hassan (2006) tidak menerangkan proses tersebut dengan jelas. Beliau hanya menyatakan simbol sebagai satu cara makna atau konsep digambarkan melalui lambang. Antara contoh yang diberikan beliau adalah seperti simbol *K* (*Kilo* untuk ribu), *H₂O* (dua bahagian hidrogen dan satu bahagian oksigen), dan *cm* (*centimeter*).

Berdasarkanuraian dan perbincangan para penulis di atas berkenaan proses-proses pemendekan dalam bahasa Melayu, beberapa masalah telah dapat dikesan. Antara masalah tersebut termasuklah gejala pertindihan istilah dan konsep untuk merujuk kepada satu proses, penggunaan pelbagai nama atau istilah bagi sesebuah proses pembentukan kata, penerangan proses yang tidak jelas, serta kecaburan sempadan antara satu proses dengan proses pembentukan kata yang lain. Masalah-masalah ini turut terjadi dalam kalangan ahli linguistik Barat dalam perbincangan mereka berkenaan hal yang sama (lihat misalnya Malenica & Fabijanic 2013; Lopez Rua 2004; Cannon 1989).

Pertindihan istilah dan konsep antara satu proses pembentukan kata submorfologi dengan proses pembentukan kata submorfologi yang lain terlihat dalam proses pengakroniman Nik Safiah Karim et al. (2009), Asmah Haji Omar (2009), dan pengakroniman jenis pertama Abdullah Hassan (2006) yang menyerupai pembentukan kata gabungan yang dinyatakan oleh Zaiton Ab. Rahman & Rudiah Hj. Arshad (1982). Hal ini berlaku demikian kerana bentuk-bentuk akronim yang dinyatakan Nik Safiah Karim et al. (2009), Asmah Haji Omar (2009), dan Abdullah Hassan (2006) tersebut mempunyai konstituen yang terdiri daripada suku kata sepenuhnya, walhal akronim sepatutnya terbina daripada huruf-huruf bentuk sumber, yakni frasa, dengan kemungkinan salah satu konstituennya ialah suku kata. Selain itu, proses

kependekan yang digunakan Abdullah Hassan (2006) pula agak mengelirukan kerana pembentukan kata tersebut mempunyai ciri-ciri pengakroniman dan pengabjadan (*alphabetism*), seperti yang terlihat dalam contoh-contoh yang diberikannya.

Selain itu, sarjana-sarjana bahasa Melayu yang membincangkan proses-proses pembentukan kata submorfologi turut tidak mempunyai kata sepakat dalam penggunaan nama yang seragam bagi beberapa jenis proses. Misalnya, Zaiton Ab. Rahman & Rudiah Hj. Arshad (1982) menggunakan istilah ‘kata cantuman’, manakala Amat Juhari Moain (1985) menggunakan ‘penggembangan’, Asmah Haji Omar (2008) dengan sitilah ‘kata kacukan’, sedangkan Harimurti (1996) menggunakan ‘kontraksi’ sebagai istilah yang merujuk kepada pembentukan kata yang mencantumkan suku kata daripada konstituen dalam frasa untuk menghasilkan perkataan baharu. Selain itu, proses kontraksi Harimurti (1996) turut mempunyai ciri-ciri dua proses pembentukan kata submorfologi sekali gus, iaitu pengerasan, seperti dalam kependekan *tak* daripada *tidak*, dan penggabungan, seperti dalam contoh yang diberikannya, iaitu *berdikari* daripada *berdiri di atas kaki sendiri*. Ini menunjukkan berlakunya kecaburan sempadan antara kedua-dua proses tersebut yang telah dikategorikan oleh Harimurti (1996) sebagai satu pembentukan kata tersendiri. Penerangan tentang sifat pembentukan kata yang tidak jelas pula terlihat dalam pembentukan simbol Abdullah Hassan (2006).

Setelah meneliti perbincangan dan permasalahan yang terdapat dalam tulisan-tulisan sarjana bahasa Melayu di atas, kajian ini bertujuan untuk memberikan satu tinjauan awal terhadap bentuk-bentuk kependekan yang wujud dalam bahasa Melayu menggunakan satu pendekatan baharu yang berbeza daripada yang sedia digunakan. Perbezaan yang ingin ditampilkan ialah penerapan taksonomi dan teori pembentukan kata submorfologi berasaskan kaedah yang dicadangkan oleh Lopez Rua (2004) dengan objektif untuk melihat sejauh mana pendekatan ini dapat menghuraikan dan mengkategorikan bentuk-bentuk kependekan dalam bahasa Melayu, sekali gus mengatasi ketidakseragaman dalam uraian-uraian yang sedia ada.

TEORI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan taksonomi dan pendekatan Lopez Rua (2004) berkenaan proses-

proses pemendekan dengan rujukan kepada Lopez Rua (2006) untuk huraian lanjut bagi setiap proses pembentukan kata submorphologi tersebut. Pemilihan teori Lopez Rua ini adalah kerana taksonomi yang dihasilkan beliau mempunyai huraian dan kategori yang tuntas dan merangkumi pelbagai proses yang menggunakan mekanisme pengurangan, dengan setiap proses pembentukan kata mempunyai label atau nama berbeza. Hal ini sudah pasti dapat mengelakkan kekeliruan dan memudahkan pemahaman. Nama proses-proses pembentukan kata ini juga menggambarkan sifat-sifat proses tersebut, seperti yang telah dijelaskan oleh Lopez Rua tentang pemilihan label atau nama inisialisme, pengakroniman, dan pengabjadan.

By resorting to the superordinate label initialisms and the subordinate labels acronyms and alphabetism I recognize that acronyms and alphabetisms share some features, which allow them to form a unified category, but I also account for their differences.


(Lopez Rua 2004: 124)

Malenica & Fabijanic (2013: 63) pernah menggunakan teori ini dalam kajian mereka dan menganggap pendekatan Lopez Rua (2008) sebagai "...the most appropriate way of classifying abbreviations, especially the groups of acronyms and alphabetism...". Selain itu, terdapat tiga sebab utama mengapa mereka memilih pendekatan tersebut:

Firstly, we find it important for superordinate and subordinate terms to be different so as to avoid confusion. Secondly, the chosen terms should fit the properties of the named category; which in case of the term initialism denotes that the words of the category are created from initial letters of the constituent words and phrases, and the alphabetism denotes that the members of the category are pronounced letter by letter. Thirdly, despite their presence in written medium only, the group of proper abbreviations should not be ignored or confused with other types of abbreviations...

(Malenica & Fabijanic (2013: 63)

Alasan-alasan ini telah menjadi pendorong untuk menerapkan teori Lopez Rua dalam kajian ini, di samping ingin mengetahui kemampuan pendekatan ini menghuraikan dan mengkategorikan bentuk-bentuk kependekan yang ada dalam bahasa Melayu. Rajah 1 ialah taksonomi pembentukan kata submorphologi yang dikemukakan oleh Lopez Rua.



Rajah 1. Taksonomi pembentukan kata submorphologi Lopez Rua (2004) yang disesuaikan daripada Malenica & Fabijanic 2013

Dalam taksonomi beliau, pemendekan atau *shortening* merupakan alat pembentukan kata superordinat yang terdapat dalam pengurangan satu dasar asal atau lebih (Lopez Rua 2004: 124). Pemendekan dapat dipecahkan kepada dua kategori utama, iaitu pemendekan kompleks dan pemendekan ringkas. Kategori yang pertama, iaitu pemendekan kompleks, merupakan 'pengurangan grafik dan fonik dan terbahagi pula kepada tiga proses, iaitu penggeratan, penggabungan, dan penginisialan/inisialisme, dengan penginisialan mengandungi dua kategori subordinat, iaitu pengakroniman dan pengabjadan. Pemendekan ringkas pula hanya melibatkan grafik sepenuhnya dan meliputi penyingkatan mudah dan majmuk. Oleh sebab proses penyingkatan merupakan pemendekan grafik semata-mata, Lopez Rua (2006: 676) menyatakan pengkategorian ini "...thus having no place in morphological description.". Seterusnya dihuraikan kategori-kategori pemendekan di atas.

Pengeratan

Pengeratan (*clipping*) ialah proses yang memendekkan bentuk kata yang kebiasaannya terdiri daripada tiga suku kata atau lebih tanpa perubahan dari segi makna atau fungsi. Menurut Lopez Rua (2006: 676), proses pemendekan ini berasaskan serpihan, dengan serpihan merupakan "...those graphic and phonemic sequences that are neither morphs (e.g., -ness) nor combining forms (e.g., electro-), and whose length generally allows their identification as belonging to a previous word." Umumnya, serpihan berbentuk suku kata atau unit yang lebih besar daripada suku kata, namun terdapat juga serpihan yang unitnya lebih kecil daripada suku kata, misalnya *smo-* dan *-og* dalam *smog*.

Bentuk keratan, iaitu item hasil daripada penggeratan, yang paling tipikal mengandungi satu atau dua suku kata yang tertinggal dengan hanya

satu tekanan. Menurut Lopez Rua (2006: 676) lagi, proses ini mampu menjelaskan bahagian akhir sumber, iaitu pengeratan belakang atau permulaan sumber, iaitu pengeratan hadapan. Pemendekan kedua-dua bahagian depan dan belakang juga boleh berlaku, tetapi proses ini jarang terjadi dan menghasilkan item kurang tipikal (Lopez Rua 2006: 676). Beberapa lagi proses pengeratan yang kurang tipikal tetapi masih utama termasuklah pemendekan yang bentuk sumbernya lebih daripada satu bentuk kata mudah, sebagai contoh *fed* daripada *federal government employee*, dan pengeratan tengah, iaitu proses yang menghasilkan item melalui pemendekan dengan menjelaskan bahagian tengah bentuk sumber, misalnya *cortisone* daripada *corticosterone*.

Di samping itu, terdapat juga pengeratan pinggiran dan pengeratan tidak penting. Item yang berhasil daripada pengeratan pinggiran (*peripheral clipping*) pula, menurut Lopez Rua (2006: 676), "...exhibit some outstanding irregularities as far as spelling, shortening, source form, and use." Ini termasuklah pengeratan pinggiran yang mengeja semula item dengan pengubahsuaian yang besar; item yang bahagian yang tertinggal merupakan bentuk kata penuh, dan item yang kepinggiran timbul dengankekangan konteks dan semantik. Terdapat juga item-item hasil pengeratan tidak penting (*marginal clipping*) yang hanya digunakan secara lisan dalam konteks tertentu sahaja, yang bentuk-bentuk ini merupakan contoh bagi tiga jenis elisi atau penghilangan bunyi fonetik, iaitu afaresis (pengeratan hadapan fonetik), sinkop (pengeratan tengah fonetik), dan apokop (pengeratan belakang fonetik) (Lopez Rua 2006: 677). Antara contoh yang diberikan beliau termasuklah '*fraid* daripada *afraid*, '*deed* (*indeed*) dan *o'er* (*over*).

Pengabungan

Pengabungan (*blend*) pula merupakan sejenis proses pemendekan yang menggabungkan dua bentuk kata atau lebih melalui penghubungan atau pertindihan mudah dan kemudiannya dipendekkan paling kurang satu daripada bentuk kata tersebut (Lopez Rua 2006: 678). Termasuk dalam pengabungan pinggiran ialah pengeratan majmuk yang terbentuk daripada serpihan huruf awal disambungkan bersama dengan penyepaduan atau integrasi fonik darjah rendah. Antara contoh kependekan yang tergolong ke dalam pengabungan majmuk ini adalah seperti *fro-yo* dalam bahasa

Inggeris, dengan frasa sumbernya *frozen yogurt* (Lopez Rua 2006: 678).

Inisialisme

Inisialisme atau penginisialan (*initialism*) ialah proses superordinat bagi pengakroniman dan pengabjadan dan dikategorikan sebagai pemendekan berasaskan huruf. Lopez Rua (2006: 677) menyatakan *initialism* sebagai "...the result of selecting the initial letter, or occasionally the first two letters, of the orthographic word in a phrase and combining them to form a new sequence." Item-item baharu yang tercipta melalui pembentukan kata ini boleh disebut sebagai satu perkataan (akronim asli), misalnya *FIAT* daripada *Fabrica Italiana Automobili Torino* dalam bahasa Itali; sebagai satu siri nama huruf (pengabjadan asli) (seperti *MGB* daripada *Magadang Gabi Bayan* dalam bahasa Filipina); sebagai kedua-dua bentuk contohnya *VAT/vat* daripada (*Value Added Tax* dalam bahasa Inggeris); gabungan kedua-duanya (misalnya *VJ/VeeJay* daripada *Video-Jockey* dalam bahasa Inggeris); atau mempunyai sebutan idiosinkratik atau kebiasaan (seperti *SWF* daripada *Shockwave Flash File*, dibaca [swif], dalam bahasa Inggeris).

Walaupun terdapat beberapa cara menyebut item-item inisialisme, proses superordinat ini hanya terbahagi kepada dua kategori pembentukan kata, iaitu pengakroniman dan pengabjadan. Selain bentuk utama di atas, pengakroniman juga menghasilkan akronim kurang utama dan akronim pinggiran. Akronim kurang utama terhasil daripada ketidaktetapan yang berulang dalam pemilihan konstituenya, seperti yang terlihat dalam *DISPLAY* daripada *Digital Service Planning Analysis*, manakala akronim, pinggiran pula mempunyai penyimpangan yang menarik, termasuklah konstituen dengan pemendekan medium, minimum atau tanpa sebarang pemendekan (Lopez Rua 2006: 677). Menurut beliau, garis pemisah antara kedua-dua kependekan pengakroniman dan pengabjadan cenderung untuk kabur apabila serpihan dijadikan konstituen, sama ada secara sendirian atau dicantumkan dengan satu huruf atau lebih yang bukan huruf awal, sebagai contoh *Ekubang* daripada *Ekonomi, Keuangan dan Pembangunan* dalam bahasa Indonesia.

Pengabjadan juga mempunyai bentuk lain selain bentuk utama seperti pengabjadan utama tetapi tidak asli yang mengandungi item-item yang memaparkan ketidaktetapan dalam pemilihan huruf pertama (Lopez Rua 2006: 677). Antaranya seperti

item-item yang mempunyai bentuk sumber yang merupakan perkataan, bukannya frasa (seperti *ECG* daripada *electrocardiogram*), atau item yang ditulis secara alternaif dalam huruf kecil (misalnya *CIF/c.i.f.* daripada *cost, insurance, and freight*). Dalam pengabjadian pinggiran pula, konstituen yang tidak berkaitan atau tidak biasa seperti nombor, simbol, bentuk kata penuh, huruf-huruf penunjuk siri, frasa, atau taip (*type*) terdapat dalam item-item yang terhasil daripada proses pemendekan ini, seperti yang terlihat dalam *UVA* daripada *ultraviolet A*. Selain itu, proses penginisialan juga terdapat pada huruf majmuk (*letter compound*) yang merupakan gabungan satu huruf awal dengan satu bentuk penuh (Lopez Rua 2006: 677-678), sebagai contoh, *e-mail* daripada *electronic-mail*.

METODOLOGI DAN DATA KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis bentuk-bentuk kependekan dalam bahasa Melayu dengan menerapkan pendekatan proses-proses pemendekan Lopez Rua (2004, 2006). Oleh sebab kajian ini sekadar sebuah tinjauan awal, teori Lopez Rua tersebut secara terus akan diaplikasikan dengan memberikan contoh-contoh item kependekan dalam bahasa Melayu. Jika ada bentuk-bentuk kependekan yang tidak dapat diuraikan melalui teori tersebut (yang ditemui dalam proses mengumpulkan data kajian), unsur ini akan dibincangkan dalam subbahagian khusus Analisis Data.

Data dikumpulkan berdasarkan persampelan rawak, yakni untuk dikategorikan mengikut teori Lopez Rua (2004, 2006) bagi setiap proses pemendekan. Data diperoleh daripada pelbagai sumber, dengan sumber utamanya ialah surat khabar utama bahasa Melayu, misalnya *Berita Harian*, *Sinar Harian*, dan *Harian Metro*; majalah dan buku bahasa Melayu; dan Internet, seperti blog dan laman sosial. Sumber sampingan yang turut menyumbangkan data korpus pula lebih kepada pemerhatian terhadap pertuturan pengguna-pengguna bahasa Melayu, sama ada melalui televisyen atau radio serta pengalaman sebenar pengkaji. Tempoh pengumpulan data pula adalah selama empat bulan. Kesemua item yang digunakan dalam analisis data dapat dilihat dalam Lampiran yang turut disertakan dengan beberapa contoh lain bagi setiap proses submorphologi pemendekan yang dibincangkan.

Terdapat satu syarat dalam pengumpulan data yang telah ditetapkan. Item-item kependekan yang

hendak dikumpulkan mestilah berasal daripada bahasa Melayu asli, yakni sama ada bentuk item mahupun bentuk sumbernya (perkataan atau frasa). Oleh itu, item yang berasal daripada bahasa Inggeris, sama ada kedua-dua bentuk singkatan dan sumbernya (misalnya *UMNO* (*United Malay National Organization*), *modem* (*modulator demodulator*), dan *atm* (*automatic teller machine*)) atau item dalam bahasa Inggeris tetapi bentuk sumbernya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (misalnya *ngo* (*badan bukan kerajaan ‘non-government organization’*), *mpv* (*kenderaan pelbagai guna ‘multipurpose vehicle’*), *UTC* (*Pusat Transformasi Bandar ‘Urban Transformation Center’*)) tidak akan dikutip walaupun item-item tersebut hadir dalam leksikon bahasa Melayu dan digunakan dengan meluasnya oleh pengguna bahasa ini. Namun, kependekan yang dicipta oleh pengguna bahasa Melayu bersumberkan perkataan bahasa asing yang diserap masuk dalam bahasa ini akan dikumpulkan, misalnya item *moto* daripada *motosikal*.

Analisis Data

Analisis data terbahagi kepada empat, iaitu analisis data pemendekan kompleks, pemendekan ringkas, bentuk-bentuk kependekan hidbrid, dan bentuk-bentuk lain. Dua subbahagian pertama, iaitu analisis data pemendekan kompleks dan pemendekan ringkas, akan memuatkan analisis data bagi kejadian utama dan kejadian pinggiran. Kejadian sempadan atau hidrib pula akan dibincangkan dalam satu tajuk tersendiri untuk mengelakkan kekeliruan. Subbahagian terakhir pula khusus berkenaan bentuk-bentuk kependekan yang tidak dapat dijelaskan teori Lopez Rua, yang item-item tersebut telah ditemui sewaktu pengumpulan data.

Pemendekan kompleks

Subbahagian analisis data yang pertama ini dipecahkan kepada tiga tajuk kecil yang merangkumi proses pembentukan kata submorphologi pengeratan, pengabungan, dan inisialisme. Proses inisialisme pula meliputi kedua-dua proses subordinat pengakroniman dan pengabjadian.

Pengeratan

Pengeratan merupakan proses berdasarkan serpihan yang menyebabkan bentuk kata yang biasanya terdiri daripada tiga suku kata atau lebih dipendekkan tanpa

mengubah makna atau fungsinya (Lopez Rua 2006: 676). Serpihan, menurut Lopez Rua (2006: 676), ialah "...those graphic and phonemic sequences that are neither morphs...nor combining forms...and those length generally allows their identification as belonging to a previous word." Lazimnya, serpihan berbentuk suku kata atau unit yang lebih besar daripada suku kata (misalnya *Digi-* dan *-alt (Digital)* daripada *digital radar altimeter*), walaupun terdapat serpihan yang lebih kecil daripada suku kata (misalnya *smog* daripada *smoke* dan *fog*).

Berdasarkan data kajian, bentuk keratan, iaitu item yang terhasil daripada penggeratan, biasanya mempunyai satu atau dua suku kata daripada bentuk sumber. Terdapat item yang terhasil daripada penggeratan hadapan, seperti *kat* (*dekat*), *cik* (*makcik/pakcik*), *ngan* (*dengan*), dan *duk* (*duduk*), dan penggeratan belakang, misalnya *Prof* (*Profesor*) dan *moto* (*motosikal*). Namun demikian, berdasarkan pemerhatian, bentuk keratan dalam bahasa Melayu lebih banyak melibatkan pengetaran bahagian hadapan berbanding bahagian belakang, seperti yang terlihat dalam contoh-contoh di atas. Terdapat juga gejala penggeratan yang menggugurkan unit yang lebih kecil daripada suku kata, iaitu huruf, dalam bentuk sumber, misalnya *tau* (*tahu*) dan *ntah* (*entah*). Kadangkala, keratan yang terhasil daripada proses berkenaan turut mengalami penyesuaian ejaan dan sebutan serta pengubahsuaian grafik seperti penambahan konsonan atau vokal tertentu pada bentuk keratan. Contohnya keratan *pak* yang bahagian hadapan bentuk sumber, iaitu *ba-* dikerat dan meninggalkan suku kata akhir *-pa*, yang ditambah konsonan *k* di hujungnya berdasarkan kesedapan sebutan penutur bahasa Melayu. Beberapa misalan lain adalah seperti *elektrik* (*elektrik*), *tok* (*datuk*), dan *long* (*sulung*).

Tidak ditemui penggeratan kedua-dua bahagian hadapan dan belakang dalam data kajian ini, begitu juga dengan penggeratan utama tetapi tidak asli, seperti penggeratan sumber unit yang mempunyai bentuk sumber selain satu bentuk kata mudah dan penggeratan bahagian tengah. Jika dilihat dari segi sekatan semantik dan konteks, kebanyakan item penggeratan berbentuk tidak formal dan digunakan untuk tujuan lisan, walaupun terdapat bentuk yang digunakan dalam penulisan sama ada sebagai kata nama khas, misalnya *Prof* (*Profesor*) dan *Pak* (*bapa*), ataupun tidak, misalnya *tak* (*tidak*) dan *lapan* (*delapan*). Data kajian juga menjukkan bahawa bentuk-bentuk keratan dalam bahasa Melayu turut mengalami kejadian elisi atau pengurangan fonetik, terutamanya kependekan yang

digunakan dalam komunikasi tidak formal, sama ada lisan atau tulisan, seperti sinkop (*tau* daripada *tahu*) dan apokop (*duk* daripada *duduk*). Contoh-contoh keratan lain terdapat dalam Lampiran.

Penggabungan

Item penggabungan terhasil apabila dua bentuk sumber atau lebih dicantumkan dengan berlakunya pertindihan dan pemendekan minimum satu daripada bentuk sumber tersebut. Apabila item-item penggabungan telah mantap, bentuk sumbernya sering dilupakan pengguna bahasa. Antara kependekan dalam kategori ini yang ditemui termasuklah *BERNAMA* (*Berita Nasional Malaysia*), *KETENGAH* (*Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah*), *jenama* (*jenis nama*), dan *cerpen* (*cerita pendek*). Ada item penggabungan yang tidak memasukkan sebarang unsur daripada salah satu bentuk sumbernya, seperti *KETENGAH* yang frasa penuhnya ialah *Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah*, tetapi bentuk item hanya terdiri daripada konstituen bentuk unsur *Ke(majuan)*, *Te(rengganu)*, dan *(Te)ngah* sahaja. Begitu juga halnya dengan *berdikari* (*ber(diri) di (atas) ka(ki) (sendiri)*).

Selain itu, terdapat juga kependekan yang boleh dianggap sebagai penggabungan pinggiran, iaitu *PEKA* (*Persatuan Kakitangan Bekalan Air Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya*) kerana bentuk sumbernya mengandungi jumlah konstituen yang banyak, tetapi item ini hanya terbentuk daripada dua perkataan dalam bentuk sumbernya, iaitu *Pe(rsatuhan)* dan *Ka(kitangan)*. Tidak terdapat item lain yang menunjukkan gejala luar biasa seperti *PEKA*. Dari segi ortografi pula, kebanyakan item penggabungan dieja keseluruhannya dengan huruf kecil, namun ada sesetengah kependekan yang terdiri daripada huruf besar kesemuanya, terutamanya yang merujuk kepada kata nama khas, seperti *MAWAR* (*Majlis Wanita Johor*) dan *PERHILITAN* (*Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara*). Contoh-contoh lain dapat dilihat dalam bahagian Lampiran.

Inisialisme: pengakroniman dan pengabjadan

Pengakroniman ialah proses pemendekan yang menghasilkan item akronim, dengan item ini dilafaz sebagai perkataan yang utuh. Antara contoh akronim yang terdapat dalam data kajian adalah seperti

UPEN (Unit Pembangunan Ekonomi Negeri), SAMM (Solidariti Anak Muda Malaysia) (disebut [sem]), PROTON (Perusahaan Otomobil Nasional), dan JAIS (Jabatan Agama Islam Selangor). Salah satu bentuk pengkaroniman kurang utama ialah pemilihan huruf selain huruf pertama dalam bentuk sumber untuk menjadi konstituen akronim. Bentuk kependekan sebegini ada dalam data kajian, seperti akronim *KIMMA (Kongres India Muslim Malaysia)* dan *ASWARA (Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan)*. Akronim *KIAS (Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra)* pula menunjukkan gejala luar biasa kerana sumber asalnya memiliki enam binaan, tetapi singkatan ini terdiri daripada empat konstituen sahaja.

Terdapat juga item-item akronim yang menjadikan serpihan sebagai konstituen dalam pembinaannya, yang secara tidak langsung menunjukkan ciri-ciri hibrid item tersebut, misalnya *PROTON (Perusahaan Otomobil Nasional)* dan *Mara (Majlis Amanah Rakyat)*. Untuk kajian ini, pengkaji menganggap sebarang item yang mempunyai jumlah konstituen daripada huruf awal (seperti yang terlihat dalam akronim asli) lebih atau sama banyak daripada bentuk konstituen lain (misalnya serpihan) dalam item tersebut sebagai akronim. Oleh itu, bentuk-bentuk kependekan seperti *SYABAS (Syarikat Bekalan Air Selangor)* dan *KEBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi)* dianggap sebagai akronim.

Salah satu jenis proses submorfologi yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah pengabjadan. Tidak melampau jika dinyatakan bahawa item-item yang terhasil daripada proses pengabjadan merupakan bentuk kependekan terbanyak dalam kosa kata bahasa Melayu. Berdasarkan data kajian, item-item pengabjadan kerap muncul dalam pelbagai bahan sumber dan mempunyai pelbagai bentuk. Oleh sebab kekurangan ruang serta demi tujuan analisis dan perbincangan, beberapa bentuk kependekan sahaja dipilih menjadi contoh dalam pengkategorian pengabjadan yang diterangkan oleh Lopez Rua.

Secara umumnya, kebanyakan item pengabjadan menepati ciri-ciri pengabjadan asli, yakni item yang terhasil daripada proses pemendekan ini dilafazkan sebagai satu siri nama huruf. Bentuk kependekan sebegini sangat banyak, sebagai contoh, *KDN (Kementerian Dalam Negeri), PPS (Pasukan Peronda Sukarela), YBUDR (Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan),* dan *OKU (orang kurang upaya)*. Kebiasannya, jika sumber asal item tersebut merupakan kata nama khas, maka kependekannya

juga akan ditulis dengan huruf besar kesemuanya, seperti *KPDNKK (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)* dan *PPP (Parti Progresif Penduduk)*, dan begitu pula sebaliknya, misalnya *kkd (kertas kerja dasar)* dan *li (latihan ilmiah atau latihan industri)*.

Seperti yang dinyatakan Lopez Rua (2006: 677), bahawa item-item inisialisme, sama ada pengkaroniman atau pengabjadan, sering tidak memasukkan bentuk bebas yang tidak mempunyai makna leksikal, perkara yang sama juga berlaku dalam item-item pengabjadan bahasa Melayu. Contoh bentuk-bentuk kependekan ini adalah seperti *JMG (Jabatan Mineral dan Galian)* dan *JPNIN (Jabatan Perpaduan Negra dan Integrasi Nasional)*. Selain itu, data kajian menunjukkan beberapa item pengabjadan yang tidak memasukkan satu konsituen bentuk sumbernya atau lebih, iaitu perkataan, sebagai contoh *IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah)* dan *PBNP (Persatuan Bola Sepak Negeri Pahang)*. Terdapat pula kependekan yang mempunyai dua bentuk ortografi dan tiga cara penyebutan, tetapi bentuk sumbernya masih sama, iaitu *JDT* atau *Johor DT (Johor Darul Ta'zim)*, dengan item yang kedua mengekalkan salah satu konstituen bentuk sumbernya, iaitu perkataan *Johor*.

Antara item yang tergolong dalam pengabjadan utama tetapi tidak asli ialah kependekan-kependekan yang mengandungi konstituen luar dan tidak biasa seperti nombor dan simbol. Hal ini terlihat, misalnya dalam item *TMM 2014 (Tahun Melawat Malaysia 2014)*, *PRU 13 (Pilihan Raya Umum ke-13)*, dan *R&R (Rehat dan Rawat)*. Terdapat juga item yang mempunyai jumlah konstituen yang lebih berbanding konstituen bentuk sumbernya, lantaran salah satu unit binaan dalam bentuk sumber item tersebut merupakan kata majmuk, seperti item *SUK (Setiausaha Kerajaan)*. Satu lagi gejala pengabjadan utama tetapi tidak asli yang ditemui pengkaji ialah item yang mempunyai konstituen berbentuk kependekan juga, seperti yang terlihat dalam *SM1JPJ (Skuad Muda 1 JPJ)*, yang bentuk kependekan sebegini sangat jarang ditemui. Selain itu, ada item yang ditulis huruf besar kesemuanya tetapi frasa sumbernya ditulis dalam huruf kecil, misalnya *KDNK (keluaran dalam negeri kasar)*.

Pemendekan Ringkas: Penyingkatan

Walaupun Lopez Rua (2006: 676) menyatakan penyingkatan tidak mempunyai tempat dalam huraian morfologi lantaran proses ini hanya

berkaitan penggunaan grafik, namun kajian ini tetap akan menganalisis item-item kependekan yang terhasil daripada proses pembentukan kata submorfologi tersebut. Tambahan pula bentuk-bentuk kependekan penyingkatan wujud dalam bahasa Melayu. Singkatan, iaitu item-item khusus yang terhasil daripada penyingkatan, boleh berbentuk ringkas ataupun majmuk.

Singkatan ringkas terhasil apabila proses penyingkatan memendekkan bentuk sumbernya (kebiasannya perkataan) dan mewujudkan bentuk grafik baharu, tetapi sebutan item baharu ini adalah secara terkembang. Sebagai misalan, antara contoh singkatan seperti ini ialah *kpd* (*kepada*), *utk* (*untuk*), *Ust* (*Ustaz*), *Jan* (*Januari*), dan *Ss* (*Seksyen*). Kadang kala tanda noktah akan turut disertakan dalam bentuk grafik baharu ini, terutamanya jika bentuk sumber singkatan tersebut merupakan kata nama khas, misalnya *Sg.* (*Sungai*), *Jln.* (*Jalan*), *Tn.* (*Tuan*), *En.* (*Encik*), *Hj.* (*Haji*), dan *Md.* (*Mohammad*).

Singkatan majmuk pula merupakan item penyingkatan yang bentuk sumber merupakan frasa. Bentuk grafik item ini mengandungi huruf-huruf yang mewakili setiap konstituen dalam frasa sumbernya, sebagai contoh *dll* (*dan lain-lain*), *dsb* (*dan sebagainya*), *b.p.* (*bagi pihak*), *YBhg* (*Yang Berbahagia*), dan *DYMM* (*Duli Yang Maha Mulia*). Terdapat juga singkatan majmuk yang mempunyai konstituen bukan huruf, iaitu simbol atau tanda sengkang, dalam itemnya, sebagai contoh *a/l* (*anak lelaki*) dan *a/p* (*anak perempuan*). Selain itu, terdapat juga bentuk singkatan yang luar biasa kerana item tersebut mempunyai satu konstituen yang disingkatkan dan satu lagi konsituen asal bentuk sumber yang dikekalkan, misalnya *Ruj. Kami* (*Rujukan Kami*).

Item-item Hibrid

Dalam kajian ini, item hibrid dibincangkan kerana kewujudannya yang banyak dalam bahasa Melayu. Perbincangan bentuk-bentuk yang dikategorikan sebagai hibrid ini diletakkan dalam satu subbahagian tersendiri dengan tujuan untuk mengelakkan kekeliruan, lantaran item-item hibrid agak sukar untuk dikategorikan dan memperlihatkan kecaburan garis sempadan antara dua proses pemendekan atau lebih. Menurut Lopez Rua (2004: 127), perbezaan harus dibuat antara hibrid sebenar, yang itemnya menggabungkan ciri-ciri kategori berbeza (contohnya item yang bentuknya dalam pengabjadan tetapi mempunyai sebutan dalam pengakroniman,

seperti *SNCC* yang disebut [snik]), dengan hibrid berpotensi, yang itemnya menunjukkan ciri-ciri kategori berbeza pada masa yang sama (seperti *UFO/ ufo* yang boleh dibaca sebagai item pengakroniman atau pengabjadan). Oleh yang demikian, bahagian ini akan membentangkan analisis data terhadap kedua-dua jenis item hibrid secara berasingan.

Berdasarkan data kajian, terdapat bentuk hibrid sebenar yang mempunyai sifat dua proses pemendekan atau lebih. Antaranya item yang mempunyai bentuk pengabjadan tetapi penyebutannya berciri akronim, seperti *BRIM* (*Bantuan Rakyat 1 Malaysia*) dan *PRIMA* (*Projek Rumah Rakyat 1 Malaysia*) yang dilafazkan sebagai [brim] dan [prima], walaupun kadangkala disebut huruf demi huruf. Kejadian atau kes hibrid sebeginilah yang menyebabkan kecaburan garis sempadan antara sebuah bentuk kependekan dengan bentuk kependekan yang lain. Antara bentuk lain yang tergolong sebagai hibrid dalam proses pengakroniman dan pengabjadan adalah seperti *JPAM* (*Jabatan Pertahanan Awam Malaysia*) dan *JHEAT* (*Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu*), yang kedua-duanya disebut sebagai satu perkataan yang utuh, iaitu [jepam] dan [jehit]. Terdapat juga item yang mengandungi penyingkatan dan pengabjadan, iaitu *Dr. M* (*Dr. Mahathir*), yang item ini dilafazkan secara terkembang pada konstituen pertamanya ([doktor]), manakala konstituen kedua item ini disebut sebagai huruf atau terkembang ([m] atau [mahathir]). Item *SUKIPT* pula menunjukkan gejala tiga proses pemendekan sekali gus, dengan bentuknya terhasil daripada penggabungan ((*suk*)*an*) dan pengabjadan ((*I*)*nstitut* (*P*)*engajian* (*T*)*ingga*), sedangkan item ini disebut sebagai satu akronim, iaitu [sukip].

Kebiasannya hibrid berpotensi pula terjadi kerana konteks penggunaan dan penyebutan sesebuah item, yang bentuk sebenarnya "...depends on external conditions such as extended use or style." (Lopez Rua 2004: 127). Antara item yang tergolong dalam hibrid berpotensi termasuklah bentuk-bentuk kependekan yang menunjukkan ciri-ciri pengabjadan dan penyingkatan sekali gus, misalnya *s.k.* (*salinan kepada*), *YB* (*Yang Berhormat*), *YDP* (*Yang Dipertua*), dan *KJ* (*Khairy Jamaluddin*) yang pengguna bahasa Melayu menyebut item-item ini sama ada secara huruf demi huruf (pengabjadan) atau dibaca secara terkembang (penyingkatan). Satu lagi item hibrid berpotensi yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah item pengabjadan-pengakroniman, misalnya *IKIM* (*Institut Kefahaman Islam Malaysia*) dan *MIS* (*Majlis Islam Sarawak*)

yang boleh disebut huruf demi huruf seperti [i k i m] dan [m i s] atau sebagai satu perkataan utuh ([ikim] dan [mis]).

Bentuk Kata Wakil

Pengkaji telah menemui beberapa item kependekan yang terhasil melalui proses pembentukan kata yang tidak menepati cara yang lazim dalam bahasa Melayu. Item dan proses pembentukan kata ini juga tidak terdapat dalam huraian Lopez Rua. Bentuk-bentuk kependekan seperti ini tidak banyak, namun, berdasarkan pemerhatian terhadap sumber-sumber data, kependekan tersebut semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. Antara contoh item-item tersebut termasuklah *BERSIH* (*Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil*), *TURUN* (*Gerakan Turun Kos Sara Hidup*), dan *PERWARIS* (*Pertubuhan Perwaris Perubatan Tradisional Islam Kebangsaan*).

Dari segi ortografi, item ini biasanya ditulis dengan huruf besar kesemuanya, mungkin sekali untuk membezakan item tersebut daripada konstituen asal dalam bentuk sumbernya. Walau bagaimanapun, terdapat juga kependekan kategori ini yang huruf awalnya sahaja ditulis dengan huruf besar, manakala huruf-huruf lain ditulis dengan huruf kecil, seperti *Perkasa* (*Pertubuhan Bumi Perkasa Malaysia*) dan *Seniman* (*Persatuan Seniman Malaysia*). Jika dilihat proses pembentukan kependekan ini, item yang terhasil mengandungi satu bentuk kata daripada bentuk sumber, yakni bentuk kata tersebut sebagai ‘mewakili’ frasa yang menjadi sumber kepada item. Hal ini terlihat dalam contoh-contoh di atas yang kesemua item merupakan konstituen asli dalam bentuk sumber, iaitu perkataan *bersih*, *turun*, *perwaris*, *perkasa*, dan *seniman*. Contoh-contoh lain bentuk kata ‘wakil’ ini dapat dilihat dalam Lampiran.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, teori Lopez Rua didapati mampu menjelaskan bentuk-bentuk kependekan yang adalah dalam bahasa Melayu dengan baik. Didapati item-item yang dikumpulkan dapat digolongkan ke dalam proses-proses pembentukan submorphologi yang telah diuraikan Lopez Rua, iaitu penggeratan, penggabungan, pengakroniman, pengabjadan, dan penyingkatan. Namun, satu bentuk kependekan yang terdapat dalam bahasa Melayu berdasarkan bahan yang dikaji tidak tercakup oleh pendekatan Lopez Rua, iaitu bentuk yang

dikategorikan sebagai bentuk kata wakil. Bentuk ini, umpamanya *BERSIH*, *TURUN*, dan *PERWARIS*, tercipta apabila proses pembentukan item berkenaan berlaku melalui pengambilan salah satu konstituen, iaitu perkataan, dalam deretan perkataan atau frasa sebagai mewakilinya. Sebagai contoh, *BERSIH* ialah bentuk yang digunakan bagi mewakili *Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil*.

Selain kes bentuk kata wakil ini, yang pada masa ini merupakan satu aspek unik bagi bahasa Melayu, teori Lopez Rua ini kelihatan mampu sebagai kerangka untuk pembentukan kata submorphologi dalam bahasa Melayu. Pendekatan ini mengatasi gejala ketidakseragaman yang terdapat dalam pendekatan-pendekatan sedia ada. Walau bagaimanapun, kajian ini merupakan kajian awal yang akan diikuti oleh beberapa penelitian lain dalam usaha mencari pendekatan yang lebih sempurna bagi menghuraikan dan mengkategorikan unsur pemendekan dalam bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 2006. *Morfologi*. Batu Caves: PTS Professionals.
- Amat Juhari Moain. 1985. Pembentukan kata dan istilah. *Dewan Bahasa* 29(1): 18-34.
- Aronoff, M. 1976. *Word Formation in Generative Grammar*. Massachusetts: The MIT Press.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Canon, G. 1989. Abbreviations and acronyms in English word formation. *American Speech* 61(2): 99-127. <http://www.jstor.org/stable/455038>
- Fandrych, I. 2008a. Pagad, Chillax and Jozi: A multi-level approach to acronyms, blends, and clippings. *Nawa Journal of Language and Communication* 2(2): 71-88.
- Fandrych, I. 2008b. Submorphemic elements in the formation of acronyms, blends and clippings. *Lexis – E-Journal in English Lexicology 2: Lexical Submorphemics/La submorphémique lexical*: 105-123. http://lexis.univ-lyon3.fr/IMG/pdf/Lexis_2
- Harimurti Kridalaksana. 1996. *Pembentukan Kata Bahasa Indonesia*. Edisi Kedua. Jakarta: PT Gramedia.
- Haspelmath, M. & Sims, A.D. 2010. *Understanding Morphology*. London: Hodder Education.
- Jackson, H. & Ze Amvela, E. 2007. *Words, Meaning, and Vocabulary: An Introduction to Modern English Lexicology*. New York: Continuum International Publishing Group.
- Lipka, L. 1992. *An Outline of English Lexicology: Lexical Structure, Word Semantics, and Word Formation*. Tubingen: Niemeyer.
- Lopez Rua, P. 2004. Acronyms & Co.: A typology of typologies. *Estudios Ingleses de la Universidad Complutense* 12: 109-129.

- Lopez Rua, P. 2006. Nonmorphological word formation. Dlm. *Encyclopedia of Language & Linguistic*. 2nd. Edition. Hlm. 675-678. Oxford: Elsevier.
- Malenica, Frane da & Fabijanic, I. 2013. Abbreviations in English military terminology. *Brno Studies in English* 39(1). doi: 10.5817/BSE2013-1-4
- Matthews, P. H. 1991. *Morphology*. 2nd Edition. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nik Safiah Karim et al. 2009. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- O'grady, W.D. & Archibald, J. 2009. *Contemporary Linguistic Analysis: An Introduction*. Toronto: Pearson Longman.
- Plag, I. 2003. *Word-Formation in English*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Zaiton Ab. Rahman & Rudiah Hj. Arshad. 1982. Cantuman: Satu cara membentuk kata. *Dewan Bahasa* 26(11): 877-884.

LAMPIRAN

Jadual di bawah memuatkan item-item kependekan yang digunakan dalam kajian serta contoh-contoh tambahan bagi setiap pembentukan kata submorfologi. Berkenaan item-item yang tergolong sebagai hibrid, jika sesebuah kependekan dapat dikategorikan ke dalam salah satu proses submorfologi yang major dalam bentuknya (misalnya *JPAM* yang menunjukkan gejala pengakroniman yang lebih ketara berbanding pengabjadan), maka item tersebut akan disenaraikan di bawah proses tersebut. Sebaliknya, item yang menunjukkan gejala kekaburuan sempadan antara proses-proses pemendekan yang sangat tinggi akan dimasukkan dalam satu kumpulan khas ‘Item-item Hibrid’.

Item	Bentuk Sumber	Maklumat
Penggeratan		
moto	<u>motosikal</u>	
letrik	<u>elektrik</u>	Konsonan <i>k</i> digugurkan. Namun, bentuk yang digunakan sekarang ialah <u>elektrik</u>
kat	<u>dekat</u>	
ngan	<u>dengan</u>	
nak	<u>hendak</u>	
duk	<u>duduk</u>	
ntah	<u>entah</u>	
Prof	<u>Profesor</u>	
tok	<u>datuk</u>	Vokal <i>u</i> menjadi <i>o</i>
pak	<u>bapa</u>	Konsonan <i>k</i> ditambahkan
mak	<u>emak</u>	
bang	<u>abang</u>	
dik	<u>adik</u>	
cik	<u>pakcik/makcik</u>	
long	<u>sulung</u>	Vokal <i>u</i> menjadi <i>o</i>
lipan	<u>halipan</u>	
lapan	<u>delapan</u>	
tau	<u>tahu</u>	
mahu	<u>mahu</u>	
depan	<u>hadapan</u>	Vokal <i>a</i> menjadi <i>e</i>
baru	<u>baharu</u>	

Item	Bentuk Sumber	Maklumat
Penggabungan		
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah	<i>Lembaga</i> dikeluarkan
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tengara	<i>Lembaga</i> dikeluarkan
Perkeso	Pertubuhan Keselamatan Sosial	
PEKA	Persatuan Kakitangan Bekalan Air Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	Hanya <i>Persatuan</i> dan <i>Kakitangan</i> menjadi konstituen item
BERNAMA	Berita Nasional Malaysia	
Petronas	Petroliam Nasional Berhad	<i>Berhad</i> dikeluarkan
jenama	<u>jenis name</u>	
pawagam	<u>panggung wayang gambar</u>	
berdikari	<u>berdiri di atas kaki sendiri</u>	<i>atas</i> dikeluarkan
cerpen	<u>cerita pendek</u>	
cereka	<u>cerit rekaan</u>	
kemaskini	<u>ke masa kini</u>	
pulihara	<u>pulih pelihara</u>	
tadika	<u>taman didikan kanak-kanak</u>	
mencapub	<u>mencari publisiti</u>	
apasal	<u>apa fasal</u>	
MAWAR	Majlis Wanita Johor	Penggabungan-pengakroniman
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara	Penggabungan-pengakroniman. <i>Jabatan</i> , dan dikeluarkan
Pemadam	Persatuan Mencegah Dadah Malaysia	Penggabungan-pengakroniman
PRESMA	Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia	Penggabungan-pengakroniman
Puspakom	Putas Pemeiksaan Kenderaan Berkomputer	
ANGKASA	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad	Penggabungan-pengakroniman

*Muhammad Marwan Mohd Tanos
Pelajar Sarjana
Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-mail: marwantanosahmad@gmail.com*

*Nik Safiah Karim, Ph.D.
Profesor Emeritus
Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-mail: niksaifiah@yahoo.com*

Item	Bentuk Sumber	Maklumat
Pengakroniman		
Mara	<u>Majlis Amanah Rakyat</u>	Pengakroniman-pengabjadan
UPEN	<u>Unit Pembangunan Ekonomi Negeri</u>	
SYABAS	<u>Syarikat Bekalan Air Selangor</u>	Pengakroniman-pengabjadan
GERAMM	<u>Gerakan Media Marah</u>	Pengakroniman-pengabjadan
PASTA	<u>Projek Akademi Sepak Takraw Terengganu</u>	Pengakroniman-pengabjadan
Bakti	<u>Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri</u>	
KIAS	<u>Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra</u>	<i>Ismail, Petra</i> dikeluarkan
KIMMA	<u>Kongres India Muslim Malaysia</u>	Pengakroniman-pengabjadan
JUSA C	<u>Jawatan Utama Sektor Awam C</u>	Pengakroniman-pengabjadan
SAMM	<u>Solidariti Anak Muda Malaysia</u>	Disebut [sem]
JHEAT	<u>Jabatan Hal Ehwal Islam Terengganu</u>	Disebut [jehit]
JPAM	<u>Jabatan Pertahanan Awam Malaysia</u>	Disebut [jepam]
KEBAT	<u>Kemahiran Berfikir Aras Tinggi</u>	Pengakroniman-pengabjadan
PATI	<u>pendatang asing tanpa izin</u>	
SPAD	<u>Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat</u>	
PROTON	<u>Perusahaan Otomobil Nasional</u>	Pengakroniman-pengabjadan
JAIS	<u>Jabatan Agama Islam Selangor</u>	
LUAS	<u>Lembaga Urus Air Selangor</u>	
SPAN	<u>Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara</u>	
ASWARA	<u>Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan</u>	Pengakroniman-pengabjadan. <i>Dan, Kebangsaan</i> dikeluarkan
ASWAJA	<u>Pertubuhan Ahli Sunah Wal Jamaah Malaysia</u>	Pengakroniman-pengabjadan. <i>Pertubuhan</i> dikeluarkan

Item	Bentuk Sumber	Maklumat
Pengabjadan		
KDN	<u>Kementerian Dalam Negeri</u>	
PPS	<u>Pasukan Peronda Sukarela</u>	
JPNIN	<u>Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional</u>	<i>dan</i> dikeluarkan
OKU	<u>orang kurang upaya</u>	
KPDNKK	<u>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan</u>	<i>dan</i> dikeluarkan
PPP	<u>Parti Progresif Penduduk</u>	
kkd	<u>kertas kerja dasar</u>	
li	<u>latihan ilmiah/latihan industri</u>	
JMG	<u>Jabatan Mineral dan Galian</u>	<i>dan</i> dikeluarkan
IPD	<u>ibu pejabat polis daerah</u>	
PBNP	<u>Persatuan Bola Sepak Negeri Pahang</u>	<i>Sepak</i> dikeluarkan
JDT/Johor DT	<u>Johor Darul Ta'zim</u>	
TMM 2014	<u>Tahun Melawat Malaysia 2014</u>	
PRU13	<u>Pilihan Raya Umum ke-13</u>	
R&R	<u>Rehat dan Rawat</u>	<i>Dan</i> digantikan simbol &
YBUDR	<u>Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan</u>	
SUK	<u>Setiausaha Kerajaan</u>	
KSN	<u>Ketua Seiausa Negara</u>	
SMJJPJ	<u>Skuad Muda 1 JPJ</u>	Pengabjadan dalam pengabjadan
KDNK	<u>keluaran dalam negara kasar</u>	
JKKK	<u>Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung</u>	<i>dan</i> dikeluarkan
PGA	<u>Pasukan Gerakan Am</u>	
SKMM	<u>Suruhajaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia</u>	<i>dan</i> dikeluarkan
WPUA	<u>Waran Perjalanan Udara Awam</u>	
JKM	<u>Jabatan Kebajikan Masyarakat</u>	
TBS	<u>Tabung Baitulmal Sarawak</u>	
SMM	<u>Solidariti Mahasiswa Malaysia</u>	
JKDM	<u>Jabatan Kastam Diraja Malaysia</u>	
PPBSK	<u>Persatuan Pemandu Bas Sekolah Kemaman</u>	
PPBSM	<u>Persekutuan Persatuan-Persatuan Bas Sekolah Malaysia</u>	
SPPBS	<u>Sistem Pengurusan Pentaksiran Berdasarkan Sekolah</u>	
JMMNJ	<u>Jemaah Malabar Muslim Negeri Johor</u>	
JSJK	<u>Jabatan Siاسات Jenayah Komersial</u>	
MBMMBI	<u>Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkuat Bahasa Inggeris</u>	
YBGK	<u>Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan</u>	

Item	Bentuk Sumber	Maklumat
Penyingkatan		
sbl.	<u>sebelum</u>	
s.k.	<u>salinan kepada</u>	
kpd	<u>kepada</u>	
Ust	<u>Ustaz</u>	
Jan	<u>Januari</u>	
Feb	<u>Februari</u>	
Sep	<u>September</u>	
Ss	<u>Seksyen</u>	
Sg.	<u>Sungai</u>	
Jln.	<u>Jalan</u>	
Tn.	<u>Tuan</u>	
En.	<u>Encik</u>	
Hj.	<u>Haji</u>	
Md.	<u>Mohamad</u>	
Mohd., Muhd.	<u>Mohamad, Muhammad</u>	
dll	<u>dan lain-lain</u>	
dsb	<u>dan sebagainya</u>	
b.p.	<u>bagi pihak</u>	
Ybhg	<u>Yang Berbahagia</u>	
DYMM	<u>Duli Yang Maha Mulia</u>	
PMN	<u>Panglima Mangku Negara</u>	
hlm	<u>halaman</u>	
bil	<u>bilangan</u>	
no	<u>nombor</u>	
hb	<u>hari bulan</u>	
ms	<u>muka surat</u>	
Ruj. Kami	<u>Rujukan Kami</u>	
b.	<u>bin</u>	
bt.	<u>binti</u>	
a/l	<u>anak lelaki</u>	
a/p	<u>anak perempuan</u>	
YB	<u>Yang Berhormat</u>	Penyingkatan-pengabjadan
YDP	<u>Yang Dipertua</u>	Penyingkatan-pengabjadan
KJ	<u>Khairi Jamaluddin</u>	Penyingkatan-pengabjadan

Item	Bentuk Sumber	Maklumat
Item-item Hibrid		
SUKIPT	<u>Sukan Institusi Pengajian Tinggi</u>	Pengabjadan-pengabjadan-pengakroniman. Disebut [sukip]
BR1M	<u>Bantuan Rakyat 1 Malaysia</u>	Pengabjadan-pengakroniman. Disebut [brim]
PRIMA	<u>Projek Rumah Rakyat 1 Malaysia</u>	Pengabjadan-pengakroniman. Disebut [prima]
KR1M	<u>Kedai Rakyat 1 Malaysia</u>	Pengabjadan-pengakroniman. Disebut [krim]
Dr. M	<u>Doktor M, Doktor Mahathir</u>	Penyingkatan-pengabjadan
IKIM	<u>Institut Kefahaman Islam Malaysia</u>	Disebut [ikim] atau [i k i m]
MIS	<u>Majlis Islam Sarawak</u>	Disebut [mis] atau [m i s]

Item	Bentuk Sumber	Maklumat
		Bentuk Kata Wakil
BERSIH	<u>Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil</u>	
TURUN	<u>Gerakan Turun Kosara Hidup</u>	
PERWARIS	<u>Pertubuhan Perwaris Perubatan Tradisional Islam Kebangsaan</u>	
Perkasa	<u>Pertubuhan Bumi Perkasa Malaysia</u>	
Seniman	<u>Persatuan Seniman Malaysia</u>	
KARYAWAN	<u>Persatuan Karyawan Malaysia</u>	
Pengaman	<u>Yayasan Pengaman Malaysia</u>	
Wadah	<u>Wadah Pencerdasan Umat Malaysia</u>	
BANGKIT	<u>Gerakan Bersama Kebangkitan OKU 2012</u>	
2012		
PEMBELA	<u>Pertubuhan Pembela Islam</u>	

